

31 JUL 1998
LEAD Malaysia-Singapura
KEMUNGKINAN HUBUNGAN SEMAKIN TEGANG

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Singapura sedang menghadapi kemungkinan hubungan yang semakin tegang setelah kedua-dua negara enggan mengalah sehari sebelum tarikh terakhir yang ditetapkan oleh Singapura supaya pusat pemeriksaan imigresen Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar di republik itu dipindahkan.

Malaysia menegaskan bahawa ia akan kekal berada di Tanjong Pagar dan terpulang kepada Singapura untuk menyelesaikan pertikaian itu yang timbul daripada keputusan Singapura untuk memindahkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin-nya (CIQ) di utara Tanjong Pagar ke Woodlands, yang berdekatan dengan sempadan Malaysia.

Kenyataan Kementerian Luar hari ini berkata Menteri Luar Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan keyakinan beliau kepada rakan sejawatannya dari Singapura, S.Jayakumar, dua hari lepas bahawa Singapura dan Jayakumar, khususnya, "diletakkan untuk meredakan keadaan itu kerana Singapura boleh memutuskan untuk tidak melaksanakan tindakan tertentu".

Kenyataan enam muka itu, yang memberikan butiran terperinci bagaimana rundingan kedua-dua negara untuk menyelesaikan masalah itu telah menemui jalan buntu, dikeluarkan pada satu taklimat media oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad, hari ini.

Kenyataan itu mengingatkan bahawa dengan mengambil kira hubungan antara Malaysia dan Singapura secara keseluruhannya, Kementerian Luar "amat memandang berat" bahawa tidak harus ada kelewatan yang tidak sepatutnya, apatah lagi gangguan, dalam perkhidmatan kereta api Malaysia ke Singapura mulai 1 Ogos.

"Saya yakin masalah tidak akan timbul (kepada penumpang kereta api) kerana Singapura mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk tidak menimbulkan masalah," kata Abdul Kadir.

"Terpulang kepada Singapura untuk menentukan sama ada perjalanan kereta api akan menjadi seperti biasa. Memanglah, mereka mempunyai hak untuk menjalankan segala pemeriksaan," kata beliau.

Kenyataan Kementerian Luar berkata bahawa isu itu timbul selepas Singapura memaklumkan kepada Malaysia dalam sepucuk surat bertarikh 24 April 1998 bahawa Malaysia perlu memindahkan CIQ-nya "ke dalam wilayahnya sendiri", mungkin Johor Baharu mulai 1 Ogos 1998.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Isnin lepas, ketika ditanya oleh para wartawan yang meliputi rombongannya ke Afrika, bahawa Malaysia tidak akan memindahkan CIQ-nya keluar dari Tanjong Pagar.

Dr Mahathir dijadualkan pulang awal pagi esok.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata KTM Berhad telah menyediakan pelan kontigensi untuk mengendalikan penumpang berikutan perbalahan itu tetapi enggan memberikan butiran lanjut.

Terdapat 27 perkhidmatan kereta api harian termasuk 15 untuk para penumpang di antara kedua-dua negara itu.

Di SINGAPURA, Jayakumar berkata ketegasan Malaysia untuk meneruskan pemeriksaan Imigresen di stesen kereta api Tanjong Pagar memberikan kesan buruk.

Beliau memberitahu Parlimen Singapura bahawa Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk berbuat demikian.

Sambil mengulangi pendirian Singapura berhubung pertikaian mengenai prosedur perjalanan kereta api itu, Jayakumar berkata sekiranya para pegawai Imigresen Malaysia meluluskan pasport penumpang kereta api dari

Singapura ke Malaysia, ia tidak sah dan bertentangan dengan proses pemeriksaan pelepasan imigresen.

"Mengikut undang-undang Singapura, ini akan menimbulkan ketidakseragaman dalam passport," katanya.

Abdullah dan Jayakumar bertemu tiga kali di Manila minggu ini dalam usaha menyelesaikan masalah itu.

Kenyataan Malaysia itu berkata akibat perbezaan pendapat antara Malaysia dan Singapura berhubung takrif Perkara-perkara Dipersetujui (POA) yang ditandatangani pada 1990 oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tun Daim Zainuddin, dan Perdana Menteri Singapura pada masa itu, Lee Kuan Yew, berhubung pembangunan tanah KTM di republik itu, Malaysia membuat keputusan untuk mengekalkan CIQnya di Tanjong Pagar dan tidak akan berpindah ke Woodlands.

Timbalan Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Tan Boon Huat pula pada a 2 Julai 1997 memaklumkan kepada Malaysia bahawa CIQ Malaysia tidak boleh terus berada di Tanjong Pagar selepas 1 Ogos 1998.

"Dalam surat ini, Singapura masih tidak menyatakan hasrat sebenarnya supaya CIQ Malaysia di Tanjong Pagar dipindahkan ke luar Singapura," kata kenyataan itu.

Selang sembilan bulan kemudian, Timbalan Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Singapura itu memaklumkan bahawa Malaysia perlu memindahkan CIQ-nya "ke dalam wilayah Malaysia sendiri berkuatkuasa 1 Ogos 1998" dan Singapura akan memansuhkan Akta Kutipan Duti Kastam Neger-negeri Tanah Melayu.

Akta itu memberikan kuasa kepada Kastam Malaysia untuk mengutip duti di Singapura.

Abdul Kadir memberitahu Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia bahawa jika pemansuhan itu dilaksanakan tanpa perbincangan dengan Malaysia, ia boleh dianggap sebagai tindakan satu pihak oleh Singapura.

"Beliau juga berkata bahawa dalam keadaan itu, Wisma Putra tidak pasti bagaimana kerajaan Malaysia akan bertindak balas," kata kenyataan itu.

Dalam empat perbincangan bulan ini antara pegawai-pegawai luar kedua-dua pihak, Singapura berkata Kastam Malaysia boleh kekal di Tanjong Pagar tetapi terus bertegas supaya Imigresen Malaysia berpindah keluar dari Singapura.

Malaysia sebaliknya meminta ruang dalam pusat pemeriksaan kereta api Woodlands (WTCP) sebagai langkah sementara tetapi dimaklumkan oleh Singapura bahawa ia bersetuju untuk menyediakan ruang bagi meletak meja di platform penumpang di WTCP.

"Pihak Malaysia berpendirian bahawa oleh kerana terdapat ruang yang mencukupi dan untuk membolehkan Imigresen Malaysia bertugas dengan terhormat, pegawai-pegawai ini harus diberikan ruang dan dibenarkan bertugas dalam WTCP, bukannya di platform penumpang di luar," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

TCL MAM NAK